



KENYATAAN MEDIA

KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA

SAMBUTAN HARI SEDUNIA BAGI KESELAMATAN DAN KESIHATAN DI TEMPAT KERJA (WORLD OSH DAY) 2017

Melaka, 20 April – Majlis Negara bagi Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (NCOSH) telah menganjurkan Sambutan Hari Sedunia bagi Keselamatan dan Kesihatan di Tempat Kerja (World OSH Day) 2017 yang dirasmikan oleh YB Dato' Sri Richard Riot Anak Jaem, Menteri Sumber Manusia. Majlis turut dihadiri oleh YB Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Abd.Muttalib, Timbalan Menteri Sumber Manusia merangkap Pengerusi Majlis Negara bagi Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan, YB Datuk M.S Mahadevan A/L Sanacy, Exco Hal Ehwal Syarikat, Sumber Manusia dan NGO Negeri Melaka dan Pengurusan Tertinggi Kementerian Sumber Manusia.

Beliau berkata, program ini disambut setiap tahun bagi mengenang kembali mangsa-mangsa yang terlibat dengan kemalangan dan penyakit pekerjaan selain mempromosikan budaya pencegahan kemalangan dan penyakit pekerjaan di tempat kerja. Pada tahun ini tema sambutan adalah "*Optimize the Collection and Use of OSH Data*" atau "Mengoptimumkan Pengumpulan Dan Penggunaan Data KKP" sebagaimana yang telah ditetapkan oleh pihak Pertubuhan Buruh Antarabangsa atau ILO.

Dalam perkembangan lain, beliau memaklumkan pada tahun 2016, Kementerian Sumber Manusia menerusi Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP) telah menjalankan sebanyak lebih kurang 258,487 pemeriksaan ke atas tempat kerja dan jentera. Berdasarkan jumlah tersebut, sebanyak 24,631 notis telah dikeluarkan, 1,176 kesalahan dikeluarkan kompaun dan sebanyak 406 kes didakwa atas kesalahan berkaitan keselamatan dan kesihatan di tempat kerja.

Menurutnya lagi, majikan dan pekerja perlu menerapkan amalan budaya kerja selamat dan sihat di tempat kerja bagi menurunkan kadar kemalangan pekerjaan kerana ianya dapat memberi impak positif kepada Negara bahawa bekerja di Malaysia adalah selamat dan sihat. Ini sekaligus dapat menyakinkan pelabur-pelabur dari luar untuk terus membuat pelaburan di Negara kita.

###

**Dikeluarkan oleh:
Unit Komunikasi Korporat
Kementerian Sumber Manusia
20 April 2017**